



23 JUL, 2024

FSF panduan 4.5 juta pekerjaan

Berita Harian, Malaysia

Page 1 of 1

Laporan Rangka Kerja Kemahiran Masa Depan

FSF panduan 4.5 juta pekerjaan

Pemilihan 11 sektor berkait rapat sumbangan kepada ekonomi

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

Laporan Rangka Kerja Kemahiran Masa Depan (FSF) bagi 10 sektor strategik yang dijangka siap pada September 2024, bakal menjadi panduan bagi lebih 4.5 juta pekerjaan di Malaysia.

Menyatakan bahawa pelaburan dalam teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), makanan dan perubatan, pembuatan farmaseutikal, aeroangkasa, elektrik dan elektronik, perdagangan borong dan runcit, kimia dan peranti perubatan, tenaga serta perkhidmatan perniagaan global.

Penambahan sektor kewangan akan menjadikan 11 sektor setakat ini membabitkan keseluruhan 4.67 juta pekerja.

Selepas laporan FSF dikeluaran, KESUMA akan mewujudkan portal awam interaktif untuk membolehkan perniagaan, pekerja, pelajar, pengubal dasar politik dan sesiapa sahaja merujuk rangka kerja ini yang akan kemajuannya secara berkelala," katanya ketika melancarkan FSF bagi sektor kewangan di Kuala Lumpur, semalam.

Yang turut hadir, Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Datuk Abdul Rasheed Ghaffour dan Pengurusi Asian Institute of Chartered Bankers (AICB), Tan Sri Azman Hashim.

FSF adalah inisiatif yang diterajui oleh AICB dengan Institut Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia serta Institut Insurans Malaysia.

Mengulas lanjut, Sim berkata-



Steven Sim (tengah) merasmikan pelancaran Rangka Kerja Kemahiran Masa Depan Negara Bagi Sektor Kewangan Malaysia di Sasana Kijang, Bank Negara Malaysia semalam. Turut sama Azman Hashim (dua dari kanan) dan Abdul Rasheed Ghaffour (dua dari kiri).

(Foto BERNAMA)

ta, portal yang akan diwujudkan KESUMA itu juga membolehkan pengguna mengambil penilaian pekerjaan dan kemahiran peribadi dan selain dapat dihubungkan dengan kursus kemahiran sedia

ada dan perkhidmatan padanan pekerjaan.

"Ini akan menandakan pencapaian baharu dalam pembuatan dasar kita di mana industri, kerajaan dan bidang akademik beker-

jasama untuk menghasilkan alat yang berkuasa bagi membentuk keputusan pada setiap peringkat atau untuk membimbing dalam membuat keputusan.

"Ini memerlukan pendekatan menyeluruh industri, kerajaan dan seluruh masyarakat. Ketika kita mengejar pelaburan dan pertumbuhan di negara ini, Malaysia memerlukan tenaga kerja yang bersedia menghadapi cabaran," katanya.

Impak transformasi digital

Sementara itu, Abdul Rasheed berkata, lebih 20 peratus dalam sektor kewangan merentas semua peringkat pekerjaan bakal terjejas dengan impak transformasi digital.

Katanya, keadaan itu tidak menghairankan kerana kecerdasan buatan (AI) khususnya AI Generatif (GenAI) dipercayai akan menjadi pemacu utama perubahan masa depan pekerjaan.

"Dengan potensi yang luas untuk mencipta peluang baharu dan menambah kebolehan manusia, GenAI diramalkan akan revolusikan 70 peratus tugas berat teks dan data menjelang 2025," katanya.